

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN NO. 104**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kekosongan jawatan Pengetua/ Guru Besar, GPK dan guru yang masih kosong atau perlu diisi untuk semua sekolah (SMK, SMJK, SK, SJKC dan SJKT) di bawah daerah Seremban, mengikut nama sekolah yang terlibat dan bilakah kekosongan ini akan dipenuhi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan pengisian guru dari masa ke masa daripada kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam (UA) tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran.

Bagi pengisian pengetua dan guru besar, penempatan ditentukan oleh Pengarah Pendidikan Negeri bagi calon pengetua dan guru besar yang telah melepasi ujian di dalam Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL).

Urusan pengambilan guru baharu adalah melalui Pihak Berkuasa Melantik iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) yang dijalankan sepanjang tahun. Urusan temu duga bagi pengambilan guru baharu dalam kalangan graduan pendidikan lepasan IPGM dan UA pelbagai opsyen mata

## **NO. SOALAN: 104**

oleh SPP bagi mengisi kekosongan jawatan guru di sekolah-sekolah KPM adalah bermula pada bulan Julai 2019.

Di samping itu, KPM juga melaksanakan pelantikan guru secara interim dalam kalangan graduan pendidikan daripada UA / institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dan graduan pasaran terbuka bagi mengatasi isu kekurangan guru bagi mata pelajaran tertentu seperti mata pelajaran Dini dan Tahfiz, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam serta Teknik dan Vokasional.

RT11/104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**SOALAN NO. 105**

**TUAN CHA KEE CHIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kekosongan untuk setiap jawatan di kesemua 6 Hospital di Negeri Sembilan dan kekosongan untuk setiap jawatan untuk semua klinik kesihatan di daerah Seremban. Nyatakan bilakah kekosongan yang disenaraikan akan diisi.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Secara keseluruhan, jumlah pengisian di enam (6) buah hospital di Negeri Sembilan adalah 6,063 (91%) berbanding dengan 6,667 perjawatan sedia ada. Pengisian di hospital tersebut adalah daripada 59 skim perkhidmatan. Manakala, bagi Klinik-klinik Kesihatan di daerah Seremban, jumlah pengisian di 9 Klinik Kesihatan tersebut adalah seramai 768 (89.7%) berbanding dengan 856 jumlah keseluruhan perjawatan sedia ada. Pengisian di Klinik Kesihatan berkenaan adalah terdiri daripada 21 skim perkhidmatan.

Secara keseluruhan, bilangan kekosongan di semua enam (6) hospital di Negeri Sembilan adalah sebanyak 604 kekosongan. Perincian bilangan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

**1. Hospital Tuanku Jaafar**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 98 (10.2%) kekosongan daripada 960 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 65 (4.4%) kekosongan daripada 1,481 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 103 (8.4%) kekosongan daripada 1,215 jumlah perjawatan.

**2. Hospital Tuanku Ampuan Najiha**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 164 (36.6%) kekosongan daripada 447 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 22(4.9%) kekosongan daripada 445 jumlah perjawatan.

- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 64 (13.4%) kekosongan daripada 475 jumlah perjawatan.

**3. Hospital Port Dickson**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 5 (3.5%) kekosongan daripada 143 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 6 (2.4%) kekosongan daripada 251 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 26 (9.7%) kekosongan daripada 264 jumlah perjawatan.

**4. Hospital Jempol**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 4 (9.3%) kekosongan daripada 43 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 2 (1.7%) kekosongan daripada 117 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 14 (9.0%) kekosongan daripada 156 jumlah perjawatan.

**5. Hospital Tampin**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional tiada kekosongan. Kesemua 48 perjawatan telah diisi penuh.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 4 (2.7%) kekosongan daripada 149 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 12 (5.4%) kekosongan daripada 222 jumlah perjawatan.

**6. Hospital Jelebu**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional tiada kekosongan. Kesemua 28 perjawatan telah diisi penuh.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 4 (4.3%) kekosongan daripada 92 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 11 (8.4%) kekosongan daripada 131 jumlah perjawatan.

Manakala, bilangan kekosongan di semua sembilan (9) Klinik Kesihatan di daerah Seremban adalah sebanyak 88 kekosongan. Perincian bilangan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:

**1. Klinik Kesihatan Seremban**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 5 (6.6%) kekosongan daripada 76 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 3 (9.0%) kekosongan daripada 33 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 8 (7.7%) kekosongan daripada 104 jumlah perjawatan.

**2. Klinik Kesihatan Ampangan**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 16 (30.7%) kekosongan daripada 52 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 3 (9.7%) kekosongan daripada 31 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 3 (6.25%) kekosongan daripada 48 jumlah perjawatan.

**3. Klinik Kesihatan Seremban 2**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 4 (9.7%) kekosongan daripada 41 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 4 (13.0 %) kekosongan daripada 30 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 2 (4.0%) kekosongan daripada 48 jumlah perjawatan.

**4. Klinik Kesihatan Nilai**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 9 (24%) kekosongan daripada 38 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 1 (3.4%) kekosongan daripada 29 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 8 (17.3%) kekosongan daripada 46 jumlah perjawatan.

**5. Klinik Kesihatan Mantin**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 3 (11.5%) kekosongan daripada 26 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu sebanyak 1 (5.2%) kekosongan daripada 19 jumlah perjawatan.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 3 (9.3%) kekosongan daripada 32 jumlah perjawatan.

**6. Klinik Kesihatan Rantau**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 2 (10.0%) kekosongan daripada 20 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu tiada kekosongan. Kesemua 13 perjawatan telah diisi penuh.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 2 (6.4%) kekosongan daripada 31 jumlah perjawatan.

**7. Klinik Kesihatan Sendayan**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 2 (13.3%) kekosongan daripada 15 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu tiada kekosongan. Kesemua 11 perjawatan telah diisi penuh.
- iii. Kumpulan Pelaksana sebanyak 6 (18.7%) kekosongan daripada 32 jumlah perjawatan.

**8. Klinik Kesihatan Kuarters KLIA**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 2 (12.5%) kekosongan daripada 16 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu tiada kekosongan. Kesemua 13 perjawatan telah diisi penuh.
- iii. Kumpulan Pelaksana tiada kekosongan. Kesemua 19 perjawatan telah diisi penuh.



**9. Klinik Kesihatan Lenggeng**

- i. Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak 1 (9.0%) kekosongan daripada 11 jumlah perjawatan.
- ii. Kumpulan Skim Perkhidmatan Bersepadu tiada kekosongan. Kesemua 6 perjawatan telah diisi penuh.
- iii. Kumpulan Pelaksana tiada kekosongan. Kesemua 16 perjawatan telah diisi penuh.

Sekian, terima kasih.